

Abdullah menghadap Maharaja Jepun

KUALA LUMPUR 11 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menghadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko dari Jepun sempena lawatan rasmi dua hari mereka ke negara ini.

Bertempat di Hotel Nikko, Abdullah tiba pada pukul 10 pagi bersama anaknya, Nori dan meluangkan masa 20 minit bersama pasangan diraja itu.

Maharaja dan Maharani Jepun seterusnya menghadiri perjumpaan bersama rakyat mereka di sini sebelum

ABDULLAH Ahmad Badawi membincangkan sesuatu dengan Maharaja Akihito semasa menghadap Maharaja Jepun itu di Hotel Nikko, Kuala Lumpur, semalam.

berangkat ke Thailand.

Mereka berada di sini sempena siri lawatan seminggu ke Singapura, Malaysia dan Thailand untuk mengeratkan hubungan antara Jepun dengan negara-negara tersebut.

Ia merupakan lawatan kedua pasangan itu ke Malaysia sejak Maharaja Akihito menaiki takhta pada 1989.

Lawatan mereka bermula Khamis lalu di Singapura.

Kedua-duanya tiba di Ipoh pagi semalam dan dibawa ke Kuala Kangsar untuk bertemu dengan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun di Istana Iskandariah.

Mereka seterusnya melawat Galeri Sultan Azlan Shah dan Kolej Melayu

Kuala Kangsar serta melihat pokok getah tertua di Malaysia.

Kunjungan ke Kuala Kangsar itu dianggap istimewa kerana memenuhi janji yang tidak tertunai 15 tahun lalu apabila jerebu teruk melanda negara ketika itu.

Pada sebelah petang, kedua-duanya berangkat ke Kuala Lumpur dan diraikan pada majlis Santapan Malam di Istana Negara oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Pasangan diraja itu akan menghadiri majlis meraikan ulang tahun ke-60 pemerintahan Raja Bhumibol Adulyadej di Bangkok, esok.